

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 JANUARI 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kepakaran saintis tempatan diperlukan	Utusan Malaysia
2.	Mega Sains 3.0 fokus lima industri baharu	Utusan Malaysia
3.	Fakta senarai penerima felo ASM terbaru	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 24 TARIKH : 10 JANUARI 2017 (SELASA)

Kepakaran saintis tempatan diperlukan

SAINtis yang dilantik sebagai felo Akademi Sains Malaysia (ASM) berperanan penting sebagai pemacu pemikiran bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) menerusi kajian dan sumbangan idea yang berdasarkan kepakaran masing-masing.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Madius Tangau berkata, kebijaksanaan, kepakaran dan pengalaman mereka membolehkan kerajaan membuat keputusan berorientasikan data dengan tepat, formula yang berkesan membantu kerajaan menggubal dasar yang lebih baik, serta memacu STI untuk pembangunan sosio-ekonomi negara.

"Demi melaksanakan misi tersebut dengan keazaman dan keyakinan yang tinggi, kita perlu memperkasa nilai komersial dengan mengenengahkan modal

insan tempatan ke pasaran.

"Kita perlu melabur dalam bidang pengajian, teknologi baru serta pelaburan bagi mewujudkan ekosistem yang lebih kukuh serta memacu keusahawanan teknologi (*technopreneurship*) dan pengurusan risiko," katanya majlis pengumuman pelantikan felo baharu ASM di ibu negara baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Presiden ASM ketika itu, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Dalam majlis tersebut, seramai 25 felo baru ASM telah dilantik berdasarkan bidang kepakaran dan bidang penyelidikan masing-masing.

Sambil memberi pujian terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh warga felo ASM

terhadap pembangunan negara melalui kepakaran yang dimiliki beliau berkata, *fellowship* ASM merupakan pengiktirafan anugerah tertinggi kepada saintis terkemuka.

Mereka juga mungkin jurutera pakar bidang teknologi, dipilih melalui enam bidang sains seperti Sains Perubatan dan Kesihatan, Sains Kejuruteraan dan Pengkomputeran, Biologi, Agrikultur dan Alam Sekitar, Sains Kimia, Sains dan Pembangunan Teknologi dan Industri serta bidang Matematik, Fizik dan Sains Bumi (*Earth Science*) pada Mesyuarat Umum Tahunan ASM yang diadakan setiap tahun.

Setiap penamaan felo layak memakai gelaran *Fellow of the academy of Sains Malaysia* atau singkatan FASc selepas nama mereka.

Sehingga hari ini ASM mempunyai 301 felo dengan 27 daripadanya merupakan felo kanan.

Dalam ucapannya, Madius turut menyentuh tentang Bajet 2017 yang memberi keutamaan kepada tiga bidang utama untuk memperkasa pembangunan ekosistem STI negara iaitu pembangunan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM, membina ekosistem untuk permulaan teknologi dan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Selaras peralihan tahun 2017, saya melihat fungsi MOSTI sebagai tulang belakang untuk kestabilan pertumbuhan ekonomi. Ia merupakan tanggungjawab besar yang perlu



MADIUS TANGAU (duduk lima dari kiri) bersama Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) yang baru dilantik. Turut kelihatan, **Dr. Mohd. Azhar Yahaya** (duduk empat dari kiri) dan **Asma Ismail** (dua dari kiri).

dipikul bersama.

"Agensi MOSTI seperti ASM menjadi salah satu cabang penting dalam pelan saya, untuk memacu sektor penting dan bernilai tinggi seperti pembuatan, tenaga dan persekitaran, pertanian dan makanan tidak terkecuali kesihatan dan kesejahteraan," jelas beliau lagi.

Dalam majlis yang sama, Madius turut menyampaikan pengiktirafan kepada Profesor Emeritus Dr. Mazlan Othman, Pengarah Projek Mega Sains 3.0 dan juga pengasas dan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa) sebagai Felo Kanan ASM yang telah dicalonkan oleh felo-felo setiap Mesyuarat Tahunan ASM dengan membawa gelaran ahli akademik.

Selain itu beliau turut melancarkan *Transformasi*

Sektor Air: Pelan Pengurusan Sumber Air Bersepadu Negara - Strategi dan Pelan Tindakan yang mengandungi laporan strategi dan maklumat lebih efisien tentang pelan tindakan tentang urusan air yang diterbitkan oleh ASM.

Pelan tersebut turut memberi pengisian penting berserta peta jalan Malaysia untuk pelaksanaan tempoh lebih 15 tahun sehingga 2030 melalui tiga fasa Rancangan Malaysia.

Sementara itu dalam kenyataan terbaharu, Yang di-Pertuan Agong, melantik Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail sebagai Presiden ASM ke-5 berkuatkuasa 28 Disember lalu bagi menggantikan Tajuddin yang menamatkan tugasnya selama dua penggal pada 27 Disember.

Asma yang mempunyai

kepakaran dalam mikrobiologi perubatan, bioteknologi dan diagnostik bagi penyakit berjangkit dipilih sebagai felo ASM sejak 2003 di bawah kumpulan disiplin Perubatan dan Sains Kesihatan dan pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden ASM dari 2012 hingga 2015.

Dr. Asma yang juga pernah menyandang jawatan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dilahirkan pada 15 Jun 1958 di Jitra, Kedah.

Beliau merupakan lulusan dari Universiti Nevada, Reno, Amerika Syarikat (AS) dalam bidang Biologi dan memperoleh doktor falsafah dari universiti yang sama dalam bidang Biologi Sel dan Molekul pada 1986.

Beliau memperoleh ijazah sarjana dalam bidang Mikrobiologi dari Universiti Indiana, Bloomington, AS.



MADIUS TANGAU (kanan) melancarkan *Buku Transformasi Sektor Air: Pelan Pengurusan Sumber Air Bersepadu Negara - Strategi dan Pelan Tindakan* di ibu negara baru-baru ini. Turut hadir bekas Presiden ASM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali (tengah).

Mega Sains 3.0 fokus lima industri baharu

Oleh NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com



BADAN pemikir Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang ulung, Akademi Sains Malaysia

(ASM) telah mengadakan beberapa siri program penyelidikan Mega Sains sejak tahun 2010 yang merangkumi industri seperti air, tenaga, kesihatan, agrikultur, biodiversiti, perumahan, infrastruktur dan pengangkutan.

Siri ketiga iaitu Mega Sains 3.0 yang bermula pada 2015 pula merangkumi lima industri kukuh yang dijalankan dalam negara, iaitu sektor perabot, automotif, kreatif, pelancongan serta plastik dan komposit.

Menurut Felo Kanan ASM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman, kelima-lima industri berkenaan dikenal pasti berdasarkan sumbangannya kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang berjumlah hampir 15 peratus pada 2014.

"Selepas beberapa siri rundingan bersama pihak-pihak

berkepentingan seperti pegawai kerajaan, ahli akademik, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan individu yang berjumlah lebih daripada 1000 peserta, beberapa isu dan cabaran telah dikenal pasti.

"Selain mengenal pasti masalah, strategi dan cadangan turut dirangka selain membangunkan peta jalan industri termasuk pelan tindakan untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang menjelang 2050," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambah beliau, strategi dan saranan yang telah dikenal pasti dijangka dapat membantu kelima-lima industri secara global dan nasional dengan menawarkan bantuan dari segi pembangunan modal insan, STI dan urus tadbir.

Tambahnya lagi, pada tahun 2015, ASM juga telah menjalankan *Foresight Initiative* dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Komuniti Pintar menjelang tahun 2050.

"Komuniti Pintar dijangka wujud di kawasan bandar dan luar bandar apabila penduduk hidup dalam persekitaran yang

harmonis, mampan dan makmur dengan hak keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan dan keselamatan akan terjamin selain aktiviti ekonomi yang mampan," katanya.

Mengulas lanjut berkaitan lima sektor yang dirangkum dalam projek Mega Sains 3.0, beliau berkata, industri pelancongan merupakan sektor yang paling maju kerana merupakan industri yang mendatangkan pulangan.

Katanya, sumbangan industri pelancongan kepada negara pada 2015 ialah sebanyak RM152.8 juta dan dijangka akan terus meningkat setiap tahun sebanyak 5.1 peratus menjelang 2026.

"Penerapan STI serta keperluan penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan diberi perhatian dengan memperluaskan penggunaan ICT bagi mempertingkatkan pengalaman pelancong selain memperkukuhkan lagi revolusi teknologi dan kesannya ke atas industri pelancongan masa hadapan.

"Seterusnya, sektor perabot pula merupakan eksport yang paling tinggi khususnya perabot kayu. Justeru, fokus perlu diberikan pada penjenamaan dan material yang digunakan untuk menghasilkan perabot yang terbaik dan berkualiti.

TEKNOLOGI
automotif
dan perabot
juga diberi
penekanan.



"Inisiatif ini boleh dianggap sebagai usaha untuk mencari bidang atau sektor apakah negara mampu menjadi teraju, sekaligus dianggap seperti pelaburan untuk jangka masa panjang," katanya.

Selain itu, Dr. Mazlan berkata, kajian-kajian yang dilakukan ini mewakili pendapat sebenar industri dan perlu diketengahkan kepada pihak berwajib.

"Cabaran-cabaran masa hadapan tidak terdiri daripada satu sektor sahaja dan ia perlu dilihat secara holistik kerana perkembangan sains dan teknologi bergerak dengan amat pantas dan menyeluruh.

"Sekiranya kita tidak mengambil peluang dalam hal-hal sebegini dan tidak mengikut trend global, kita akan tertinggal jauh ke belakang," katanya.



MAZLAN OTHMAN



TEKNOLOGI biokomposit antara yang diberi penekanan dalam Mega Sains 3.0

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 24

TARIKH : 10 JANUARI 2017 (SELASA)

FAKTA SENARAI PENERIMA FELO ASM TERBARU

PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN

- Datuk Dr. Balwant Singh Gendeh (Pusat Perubatan UKM)
- Prof Dr. Lee Way Seah (UM)
- Prof Dr. Mary Anne Tan Jin Ai (UM)
- Prof Dr. Wan Ariffin Abdullah (Pusat Perubatan UM)

SAINS KIMIA

- Prof. Dr. Md. Pauzi Abdullah (UKM)
- Prof. Dr. Wan Ahmad Kamil Che Mahmood (USM)
- Prof. Dr. Zanariah Abdullah (UM)
- Prof. Dr. Mohd. Kamal Harun (AKEPT)

SAINS DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DAN INDUSTRI

- Dr. Ahmad Hezri Adnan (ISIS Malaysia)
- Prof Datuk Dr. Aishah Bidin (UKM)
- Datuk Dr. Sharifah Maimunah Syed Zin (UNESCO ISTIC)

MATEMATIK, FIZIK DAN SAINS BUMI (EARTH SCIENCE)

- Prof. Dr. Ramesh T Subramaniam (UM)
- Prof. Dr. Zainuriah Hassan (USM)



AHMAD ISMAIL

KEJURUTERAAN DAN SAINS PERGKOMPUTERAN

- | | |
|---|---|
| ● Prof. Dr. Abdullah Gani (UM) | Varatharajoo (UPM)
Biologi, Agrikultur dan Alam Sekitar |
| ● Datuk Ir Lim Chow Hock (Institut Jurutera Malaysia) | ● Dr. Chow Keng See (Lembaga Getah Malaysia) |
| ● Prof. Datuk Ir Mahyuddin Ramli (USM) | ● Dr. Ahmad Parveez Ghulam Khadir (Lembaga Minyak Sawit Malaysia -MPOB) |
| ● Prof. Dr. Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib (UTP) | ● Dr. Rajinder Singh Harminder Singh (MPOB) |
| ● Prof. Dr. Zainab Abu Bakar (UiTM) | ● Prof. Dr. Ahmad Ismail (UPM) |
| ● Prof. Dr. Borhanuddin Mohd. Ali (UPM) | ● Prof. Dr. Mohd. Ali Hassan (UPM) |
| ● Prof. Ir. Renuganth | |